



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### PERASMIAN 'PASUKAN PETUGAS STANDARD, REGULATORI DAN KESELAMATAN NANOTEKNOLOGI' SEMPENA PROGRAM NANO KEBANGSAAN (NANOKEB) 2024

---

**BANGI, 11 Oktober 2024** – Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim telah merasmikan 'Pasukan Petugas Standard, Regulatori dan Keselamatan Nanoteknologi' bersempena Majlis Penutup Program Nanoteknologi Kebangsaan (nanoKEB) 2024 hari ini.

Dalam usaha memastikan industri nanoteknologi tempatan kekal mampan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa, MOSTI telah menubuhkan 'Pasukan Petugas Standard, Regulatori dan Keselamatan Nanoteknologi' (SRS<sup>nano</sup>) untuk membangunkan amalan dan garis panduan dalam keselamatan nano. Selaras dengan aspirasi Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara (DSNN) 2021-2030, SRS<sup>nano</sup> bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan memantau program yang berkaitan dengan keselamatan bahan dan produk nano yang melibatkan pembangunan piawaian baharu dan penerimaan piawaian antarabangsa serta menyemak peraturan sedia ada atau membangunkan peraturan dan garis panduan baharu. SRS<sup>nano</sup> akan digerakkan secara serentak oleh empat (4) Kluster Berintegrasi (*Integrated Cluster*, IC) iaitu IC-Standard, IC-Regulatori, IC-Keselamatan dan IC-Pendidikan.

Sepanjang dekad yang lalu, Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), MOSTI telah berjaya menganjurkan NanoKEB dengan kerjasama pihak berkepentingan ekosistem inovasi nano tempatan. Kesenambungan kejayaan diteruskan dalam nanoKEB 2024 dengan berkolaborasi di peringkat tempatan dan antarabangsa iaitu Asian Nano Forum Organization (ANF), NanoMalaysia Berhad (NMB), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), MIMOS Berhad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysian Nanotechnology Association (MNA), Malaysia Nanotechnology Industrial Group (MNIG) dan Progene Link Sdn. Bhd. nanoKEB 2024 merupakan platform di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk para penggiat nanoteknologi berkongsi pengetahuan terkini dan amalan terbaik (*Best Practices*) dalam bidang nanoteknologi melalui persidangan, seminar, mesyuarat, demonstrasi teknologi, pertandingan nanoteknologi dan pameran yang telah diatur secara kolaboratif menggunakan kaedah yang interaktif.

NanoKEB 2024 juga adalah pemangkin kepada peningkatan kesedaran kepentingan nanoteknologi kepada pelajar universiti dan penyelidik nanoteknologi di institusi pengajian tinggi negara serta pihak swasta dan industri. Hampir 1000 peserta hadir sepanjang 5 hari NanoKEB 2024 ini.

Majlis penutup nanoKEB 2024 turut menyaksikan penyampaian Sijil Pengiktirafan Badan Akreditasi ISO 17065 oleh Jabatan Standard Malaysia kepada Nanoverify Sdn. Bhd.

#TAMAT#

Disediakan oleh,

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

11 OKTOBER 2024